

UMNO DAN PERSOALAN KEPIMPINAN POLITIK DALAM MASYARAKAT MAJMUK, 1969-1998

A RAHIM TAMBY CHIK

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH DALAM BIDANG SEJARAH POLITIK**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: UMNO DAN persoalan kepimpinan politik dalam masyarakat majmuk, 1969-1998

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH

Saya A Rahim Tamby Chik, Sesi pengajian 2007-2012, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah di benarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan petukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Di Sahkan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap: Suite 28-1, Level 8,
Lobi A, Wisma UOA II 21,
Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh: 22 Ogos 2012

(Prof. Sabihah Osman)

Penyelia

Prof. Dr. Sabihah Osman

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah

(Zaini Othman)

Zaini Othman

Bersama

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)

Sekolah Sains Social

Universiti Malaysia Sabah

PENGESAHAN

NAMA : A RAHIM TAMBY CHIK

NO MATRIK : 2007-8414

TAJUK : UMNO DAN PERSOALAN KEPIMPINAN POLITIK DALAM
MASYARAKAT MAJMUK, 1969-1998

IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH

TARIKH VIVA : 9 OGOS 2012

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Sabihah Osman



Tandatangan

Prof. Dr. Sabihah Osman
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

2. PENYELIA BERSAMA

Zaini Othman

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zaini Othman".

Zaini Othman
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah

PENGAKUAN

Kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 September 2012

A Rahim Tamby Chik

2007-8414



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENGASIHANI

Syukur ke Hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya telah memberi hidayah serta kekuatan kepada penulis dalam menyelesaikan kajian ini. Sememangnya kajian ini tidak akan selesai tanpa bantuan dan dorongan daripada pelbagai pihak.

Tesis ini hanya dapat disiapkan dengan bantuan pelbagai pihak. Prof Dr Sabihah Osman dan En Zaini Othman telah bertindak sebagai penyelia yang banyak mendorong, mendedah dan mengangkat kajian ini ke tahap akademik sepanjang pengajian di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Penghargaan setinggi-tingginya wajar diberikan kepada mereka berdua. Terima kasih juga kepada semua pembantu-pembantu penyelidik saya yang banyak membantu, memberi sokongan moral, khususnya dalam usaha mendapatkan bahan-bahan yang bersifat arkib. Teman-teman politik yang sudi berkongsi, ditemubual untuk menjelaskan lagi beberapa perkara yang bersifat "sulit"; sangat dihargai jasa-baik kalian dalam membantu penyiapan tesis ini. Demikian juga kepada kakitangan Arkib Negara, Pejabat Penyelidikan UMNO Pusat dan setiap individu yang telah sudi ditemubual, khususnya Tun Dr Mahathir Mohamad, bantuan mereka disanjung tinggi. Akhirnya kepada seluruh keluarga saya yang sering kecetuan masa suami dan ayah, sokongan mereka tidak akan luput dari ingatan. Terima kasih semuanya.

ABSTRAK

UMNO DAN persoalan kepimpinan politik dalam masyarakat

MAJMUK, 1969-1998

Kajian [tesis] ini menganalisis kepimpinan politik dan fenomena perpecahan politik UMNO dari perspektif manipulasi elit berdasarkan kepada kepelbagaiannya bentuk nasionalisme. Kajian [tesis] ini menghujahkan bahawa kepimpinan politik dan fenomena perpecahan politik dalam kalangan kepimpinan elit politik UMNO telah secara signifikan dan implisitnya merupakan persaingan ideologi nasionalis yang mempamerkan fenomena kebuntuan membentuk identiti nasional Malaysia. Dua isu yang besar ini iaitu fenomena perpecahan kepimpinan politik UMNO dan persoalan nasionalisme, telah mempengaruhi dan mencorak perkembangan politik Malaysia secara signifikannya. Fenomena perpecahan kepimpinan politik UMNO banyak dikaitkan dengan perkembangan-perkembangan besar dalam politik Malaysia seperti Peristiwa 13 Mei 1969, penggubalan Dasar Ekonomi Baru, Perpecahan UMNO 1987 dan juga Gerakan Reformasi 1998. Kelazimannya, perpecahan dan krisis kepimpinan politik UMNO telah memberi kesan yang menjangkaui politik UMNO itu sendiri iaitu politik Malaysia secara keseluruhannya. Pada masa yang sama, oleh kerana persoalan identiti nasional merupakan isu politik yang dilihat sebagai tiada jalan penyelesaian yang konkret di Malaysia, nasionalisme telah mengambil tempat sebagai isu utama dalam konteks wacana politik Malaysia. Wujud kesamaran dan kecaburan dalam kalangan etnik di Malaysia berhubung dengan identiti etnik dan identiti nasional serta antara individu dengan masyarakat terbanyak bagi membolehkan elit mengkonstruksi dan memanipulasi ideologi nasionalis. Dalam kajian [tesis] ini, persoalan konflik nasionalisme digarap dan cuba difahami berdasarkan kepada lima [5] konsep nasionalisme yang berbeza, iaitu—etno-budaya, sivil dan nasionalisme multi-budaya di satu pihak dan kolektif-autoritarian dan nasionalisme individu-liberal di satu pihak yang lain. Perdana Menteri Malaysia telah mengkonstruksikan ideologi nasionalis sebagai takrifan kepada 'Bangsa-Malaysia' dalam usaha mereka untuk menyelesaikan persoalan identiti nasional. Hal ini telah menimbulkan perdebatan dan reaksi yang antagonis dari kalangan elit politik UMNO yang berpaksi nasionalisme etno-budaya, lantas mewujudkan persaingan kuasa dalam kalangan mereka; yang secara tidak langsung telah memberi kesan yang menyeluruh terhadap perkembangan dan pembangunan politik Malaysia. Justeru, kajian [tesis] ini merumuskan bahawa perpecahan, krisis dan persaingan politik dalam kalangan elit politik UMNO dan keupayaan parti tersebut mengekalkan status-quo mempunyai hubungan yang simbiosis dengan gaya kepimpinan kesederhanaan.

ABSTRACT

This thesis analyses UMNO leadership and its factionalism from the perspective of the elite's manipulation of the various modes of nationalism. This thesis argues that UMNO leadership and factionalism, which is seemingly a power struggle between competing UMNO elites, has been significantly shaped by contesting nationalist ideologies that reflect the unresolved questions of national identity in Malaysia. These two issues, that is, nationalism and UMNO factionalism, have shaped Malaysian politics in significant ways. UMNO factionalism has been related to such major political events as the 1969 ethnic riots, the introduction of the New Economic Policy, the UMNO split on 1987 and the Reformasi (Reform) movement in 1998. Frequently, the impact of these disputes extended beyond UMNO politics and affected wider Malaysian politics. At the same time, due to unresolved questions of national identity, nationalism has occupied a central position in Malaysian political discourse. There are ambiguities regarding the relationship among the various ethnic identities and national identity and between individual and the larger Malaysian community that enable elites to construct and manipulate nationalist ideologies. In this thesis, the conflicting nationalisms are captured by five different concepts of nationalism—ethno cultural, civic and multicultural nationalism in one group and collectivist-authoritarian and individualistic-libertarian nationalism in another. The Malaysian Prime Ministers have constructed nationalist ideology to define the Malaysian nation in their attempts to resolve the unresolved problems of national identity. The challengers' arguments, to mobilize the community, mirror the community's (negative) responses to the Malaysian Prime Ministers' nationalist's vision. In addition, the ideological arguments in the disputes extend the dispute beyond the elites, involving the community as well. Furthermore, because of the ideological conflicts, these factional disputes affect the direction of government policies in significant ways. These studies conclude that UMNO leadership and its ability to preserve its status-quo are very much related with her moderate style of leadership.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 : UMNO DAN POLITIK MALAYSIA

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalan dan Objektif Kajian	3
1.3	Metodologi Kajian	6
1.4	Sorotan Literatur: UMNO dan Persaingan Elit Politik	6
1.5	Struktur Tesis	19

BAB 2 : NASIONALISME DAN KEPIMPINAN POLITIK

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Nasionalis Dan Konflik Nasionalis Di Malaysia	21
2.3	Demokrasi, Autoritarianisme dan Ideologi Nasionalis Di Malaysia	26
2.4	Nasionalisme: Model Analisis	30
2.4.1	Model Etno-Budaya, Sivil Dan Nasionalisme Multi-Budaya	32
2.4.2	Model Autoritarian Kolektif dan Nasionalisme Individual-Liberal	37

2.5	Epistemologi Kepimpinan Politik	41
2.6	Kepimpinan Politik: Kajian Awal & Pendekatan Teoritikal	48
2.7	Kepimpinan Politik & Bentuk-Bentuk Kepimpinan	57
	2.7.1 Kepimpinan Karismatik	58
	2.7.2 Kepimpinan <i>Transactional</i>	60
	2.7.3 Kepimpinan <i>Transformational</i>	61

BAB 3 : TUNKU ABDUL RAHMAN & KEPIMPINAN POLITIK UMNO

3.1	Pendahuluan	64
3.2	Nasionalisme Multi-Budaya & Kepimpinan Politik Tunku Abdul Rahman	66
3.3	Tunku Abdul Rahman dan Pembentukan Perikatan	76
3.4	Tunku Abdul Rahman: Nasionalisme Multi-Budaya & Pembentukan Perlembagaan	82
3.5	Tunku Abdul Rahman dan Ultra-Melayu	86
3.6	Krisis Kepimpinan UMNO 1969 dan Dasar Ekonomi Baru [DEB]	95
3.7	UMNO dan Gabungan Barisan Nasional Pasca-1969	102
3.8	UMNO dan Kemunculan Kepimpinan Baru	104
3.9	Kesimpulan	108

BAB 4 : ELIT POLITIK UMNO DAN KRISIS KEPIMPINAN 1987

4.1	Pendahuluan	111
4.2	Mahathir Mohamad Dan Kepimpinan UMNO Era 80an	114
4.3.	Kemasukan Anwar Ibrahim Ke Dalam UMNO	126
4.4.	Konflik Musa-Mahathir	131
4.5	UMNO dan Krisis Kepimpinan Politik 1987	139
4.6	Kesimpulan	146

BAB 5 : UMNO DAN KRISIS KEPIMPINAN POLITIK 1998

5.1	Pendahuluan	148
5.2	Anwar dan Kepimpinan Politik UMNO	148
5.3.	Mahathir Mohamad dan Pemecatan Anwar dari UMNO	150
5.4	Kesimpulan	161

BAB 6 : KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan	162
6.2	Kesimpulan	172



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DBP	Dewan Bahasa & Pustaka
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
HICOM	Heavy Industries Corporation of Malaysia
IMF	International Monetary Fund
IMP	Independence of Malaya Party
ISA	Internal Security Act
Keadilan	Parti Keadilan Nasional
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
PAP	People's Action Party
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
Petronas	Petroleum Nasional
PPP	People's Progressive Party
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
Semangat 46	Parti Semangat 46
SNAP	Sarawak National Party
Suhakam	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SUPP	Sarawak United People's Party
UDA	Urban Development Authority
UMNO	United Malays National Organization
USNO	United Sabah National Organization

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 1	Nasionalisme Sivil, Etno-Budaya dan Multi-Budaya	36
Jadual 2	Nasionalisme Individualistik-Liberal & Autoritarian-Kolektif	40
Jadual 3	Pembahagian Kerusi Parlimen Dalam Perikatan 1955-1969.	79



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1 Model Kepimpinan Kesederhanaan RTC

171



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMNO dan Politik Malaysia**1.1 Pendahuluan**

Apabila mantan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamed, memecat Timbalan beliau, Anwar Ibrahim, sebagai Timbalan Perdana Menteri, pada 1hb September 1998—selepas beberapa tahun perbezaan politik antara mereka berdua—itu merupakan satu lagi episode politik atau perkembangan politik yang penting di dalam sejarah perkembangan dan pembangunan politik Malaysia, iaitu Gerakan Reformasi [*the Reformasi*]. Semenjak dari tarikh tersebut, persaingan politik serta konflik politik antara Mahathir Mohamed dan Barisan Kepimpinan Politik Barisan Nasional di satu pihak, dan Anwar Ibrahim serta Gerakan Reformasi di satu pihak yang lain; telah mendominasi wacana politik dan dsikusi politik di Malaysia. Secara tidak langsung, perkembangan tersebut memberikan satu lagi justifikasi konkret bahawa apabila wujud sahaja perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO [United Malays National Organization], ianya bukan sahaja mempengaruhi politik UMNO itu sendiri, tetapi juga politik Malaysia keseluruhannya.

Perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO dan persaingan politik yang diwujudkan oleh Gerakan Reformasi terhadap hegemoni politik Barisan Nasional di Malaysia, secara tidak langsung telah menyokong tesis akademik bahawa perubahan regim politik di Malaysia hanya akan berlaku apabila wujudnya perpecahan dan pertikaian politik dalam kalangan elit politik Barisan Nasional (Gomez, 1988; Jesudason, 1996). Tidak dinafikan bahawa ramai pemerhati politik Malaysia begitu optimis, khususnya sewaktu Gerakan Reformasi berada di tahap kemuncaknya, bahawa protes politik secara besar-besaran oleh massa, bakal melemahkan hegemoni politik Barisan Nasional dan secara logiknya bakal merubah parameter politik Malaysia ke arah lebih pluralistik (Case, 1999; Funston, 1999; Hari Singh, 2001). Namun, sehingga kini, perkembangan politik Malaysia semenjak 1998, adalah jauh dari

jangkuan yang menunjukkan sebarang perubahan yang bersifat asasi akan berlaku terhadap pemerintah yang sedia ada. Apapun, perkembangan politik Malaysia kini jelas menunjuk dan membuktikan bahawa sebarang bentuk perpecahan politik yang terjadi terhadap kepimpinan politik UMNO, adalah secara signifikannya turut mempengaruhi senario keseluruhan politik Malaysia. Sebagai contoh, sewaktu Pilihan Raya Umum 1999, pengaruh kepimpinan politik Mahathir Mohamed telah dicabar dengan hebat sehingga melemahkan kepimpinan politik beliau melalui mobilisasi politik yang berlabelkan anti-Mahathir yang dipelopori oleh Gerakan Reformasi.

Perkembangan dan krisis politik Malaysia 1998, bukanlah satu-satunya krisis¹ kepimpinan politik UMNO yang pernah tercetus di dalam sejarah kepimpinan politik UMNO semenjak enam dekad yang lalu. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1946, UMNO telah mengalami beberapa siri krisis kepimpinan politik yang serius dalam kalangan elit politiknya. Antaranya, ialah pertikaian politik 1969 yang berlaku diantara pemimpin politik UMNO generasi pertama dengan barisan pemimpin generasi kedua selepas berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 yang membawa implikasi dan perubahan fundamental pemerintah Malaysia mulai tahun 1970an. Perebutan jawatan Presiden UMNO 1987, diantara Mahathir Mohamed dan Tengku Razaleigh Hamzah (lebih popular dengan panggilan sapaan Ku Li), telah menyebabkan UMNO berpecah kepada dua parti, iaitu UMNO [Baru] dan Semangat 46. Perkembangan ini telah secara strukturalnya melemahkan hegemoni politik UMNO dan Melayu dalam konteks politik Malaysia. Justeru, secara umumnya, perpecahan politik yang berlaku dalam kepimpinan politik UMNO, mempunyai makna yang lebih daripada krisis politik dalaman semata-mata dengan kesannya menjangkaui politik UMNO itu sendiri.

Apa yang lebih menarik disebalik krisis kepimpinan politik yang berlaku didalam sejarah perkembangan dan pembangunan parti UMNO dalam konteks pembangunan politik Malaysia, parti tersebut tetap mampu untuk mengekalkan status-quonya dan

¹ Dalam kajian ini istilah atau terma krisis digunakan bagi menunjukkan bahawa setiap kali wujudnya konflik kepimpinan politik dalam kalangan kepimpinan UMNO ianya memberi kesan limpahan yang begitu signifikan terhadap perkembangan dan pembangunan politik Malaysia itu sendiri bukan sahaja dalam aspek politik malahan turut terkesan terhadap persoalan dan isu sosial serta ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

yang lebih menarik lagi status-quo tersebut mampu dikekalkan dalam konteks atau struktur masyarakat Malaysia yang majmuk. Fakta ini merupakan satu catatan sejarah yang boleh dianggap unik dalam konteks perkembangan dan kelangsungan parti-parti politik dominan yang pernah menguasai struktur kuasa di dunia. Misalnya, Parti GOLKAR di Indonesia, disebalik kekuatan dan penguasaan aparatus politik yang dimilikinya, masih tidak mampu untuk mengekalkan status-quo dalam konteks politik Indonesia. Demikian juga halnya dengan Parti Revolusi Mexico, walaupun berupaya untuk kekal berkuasa selama 77 tahun dalam struktur kuasa politik Mexico, parti tersebut sebagaimana juga GOLKAR di Indonesia gagal untuk mengekalkan status-quo mereka. Hal yang sama juga turut menimpa nasib Parti Kuomintang di Taiwan dan Parti Kongres di India. Maka, persoalan utama yang cuba dirungkai oleh kajian ini adalah untuk meneliti apakah elemen kepimpinan politik yang mendokong parti UMNO sehingga membolehkan parti tersebut mengekalkan dominasi mereka dalam struktur politik Malaysia yang majmuk sifatnya?

1.2 Permasalahan dan Objektif Kajian

Bagi merungkai persoalan utama dalam kajian ini, tesis ini mengemukakan tiga [3] hujah yang utama. Pertama, kajian berhubung dengan fenomena perpecahan politik kepimpinan UMNO telah meminggirkan elemen ideologi dalam analisis mereka; dan sekira pun wujud, fokus yang diberikan adalah begitu kurang terhadap isu nasionalisme. Kedua, ideologi nasionalis adalah merupakan antara terma yang menjadi fokus utama dalam konteks perkembangan politik Malaysia; justru kerana persoalan identiti nasional yang tiada kesudahannya. Hal ini amat berkisar kepada persoalan seperti kekaburuan idenititi nasional Malaysia dan hubungan antara komuniti dan individu. Dalam kalangan elit politik UMNO yang bersaing, nasionalisme merupakan suatu isu yang sangat penting malah kritikal bagi tujuan pemahaman fenomena perpecahan politik kepimpinan UMNO. Ketiga, polemik ini [baca identiti nasional] boleh dikonseptualkan melalui lima model teori berhubung dengan ideologi nasional, iaitu sivil, etno-budaya dan nasionalisme multi-budaya di satu pihak dan nasionalisme authoritarian-kolektif dan individualistik-liberal di satu pihak yang lain.

Kajian atau tesis ini menghujahkan bahawa pertelingkahan politik kepimpinan UMNO adalah bersifat melebihi daripada aspek persaingan personal. Ideologi nasional telah digunakan secara meluas dalam konteks pertelingkahan politik kepimpinan UMNO. Pertelingkahan yang wujud tersebut bukan sahaja merupakan manifestasi kepada polemik identiti nasional Malaysia, yang kabur sifat hubungan antara etnik, identiti, kebebasan individu disatu pihak dan kepentingan komuniti atau kehendak umum disatu pihak lain. Lebih dari itu, merupakan manifestasi sifat atau amalan kepimpinan elit politik yang bertelingkah berusaha untuk memobilisi masyarakat dengan hujah ideologi mereka, maka, kesan pertelingkahan tersebut turut terkesan melangkaui batas parti politik berkenaan iaitu masyarakat keseluruhannya yang turut mempengaruhi bukan sahaja politik parti UMNO tetapi juga politik Malaysia secara keseluruhannya.

Jika dianalisis pertelingkahan kepimpinan politik UMNO dari perspektif ideologi nasionalis, ianya turut melibatkan hujah dari dua sisi: visi nasionalis yang dikonstruksikan oleh Perdana Menteri bagi menyelesaikan persoalan identiti nasional dan tentangan terhadap ideologi nasionalis tersebut dari elit politik yang bersaing. Dalam analisis kajian ini, tesis ini yang memokuskan kepada kedinamikan elit politik berbanding survei terhadap masyarakat Malaysia secara menyeluruh. Ini tidak bermakna bahawa survei terhadap masyarakat tidak penting; ianya akan digunakan pada tahap yang paling minimal menurut keperluan yang timbul. Justeru, tesis ini meneliti diskusi paras elit politik yang bersaing terhadap pemahaman:

1. Tindakan Perdana Menteri mengurus persoalan atau polemik identiti nasional melalui formulasi ideologi nasional;
2. Impak dari reaksi masyarakat Melayu terhadap tindakan atau usaha Perdana Menteri;
3. Hujah nasionalis yang dikemukakan oleh elit politik UMNO yang bersaing bagi memobilisasi sokongan komuniti Melayu dan;
4. Impak pertelingkahan politik dari perspektif nasionalisme.

Visi nasionalis Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman, yang dicabar pada tahun 1969, telah membentuk masyarakat Malaysia yang lebih terintegrasi dan stabil; yang sebenar telah menggagalkan usaha beliau untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang tidak lagi berasaskan kepada nasionalis etno-budaya. Mahathir Mohamed pada tahun 1980an, yang menekankan kepada pembangunan ekonomi berbanding matlamat Dasar Ekonomi Baru berasaskan agihan etnik. Krisis ekonomi-politik yang tercetus pada tahun 1969 dan juga pertengahan 1980an telah melemahkan sokongan politik terhadap Perdana Menteri, ekoran daripada usaha elit politik yang bersaing memobilisasi sokongan politik berasaskan nasionalis etno-budaya.

Krisis kepimpinan politik 1998 juga mempunyai atau terkandung struktur yang sama. Krisis 1997-1998 adalah merupakan krisis visi ekonomi-politik Perdana Menteri. Elit politik yang mencabar berusaha untuk memperoleh sokongan politik masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, situasi krisis politik 1997-1998 adalah berbeza berbanding dengan krisis kepimpinan politik UMNO 1969 dan 1987; justeru memerlukan kerangka analisis yang berbeza. Pertumbuhan ekonomi yang begitu baik, telah mengurangkan persaingan ekonomi-politik dalam kalangan etnik terhadap sumber-sumber ekonomi. Dalam konteks ini, visi nasionalis sivil Mahathir Mohamed dan juga perubahan dasar yang beliau lakukan menyebabkan manipulasi etno-budaya dan nasionalis mutli-budaya tidak begitu berjaya sebagai satu alat ideologi bagi memobilisasi sokongan politik. Sebaliknya, wujud ketegangan politik yang berbeza iaitu antara nasionalisme-kolektif dan nasionalisme-individualistik. Inilah yang merupakan persaingan ideologi nasionalis dalam konteks krisis kepimpinan politik UMNO 1998.

Maka, tiga [3] objektif utama yang ingin dirungkai oleh kajian ini ialah: [1] mengenal pasti apakah bentuk kepimpinan politik yang diamalkan oleh UMNO; [2] bagaimanakah kepimpinan politik UMNO mengurus krisis kepimpinan yang mencabar status-quo politik UNMNO; [3] meneliti sifat ketegangan nasionalis yang muncul dari krisis kepimpinan politik UMNO.

1.3 Metodologi Kajian

Justeru, bagi menjawab objektif dan persoalan-persoalan yang ditimbulkan di atas tadi, kajian ini akan mengguna metodologi kajian yang fokus utamanya adalah berpaksi kepada metod kajian sejarah-politik. Dalam erti kata lain kajian ini akan menggunakan tiga kaedah utama dalam proses kutipan data iaitu tembual, bahan atau material arkib dan penggunaan bahan-bahan sekunder. Metod yang digunakan secara tidak langsungnya akan menganalisis perdebatan berhubung dengan nasionalis ideologi elit politik dan refleksinya terhadap polisi yang dimalkan serta membandingkan dua aliran nasionalis yang bersaing dalam konteks fenomena perpecahan politik kepimpinan UMNO. Analisis dan perbandingan yang akan dibuat sudah tentu akan mempertimbangkan situasi jangka pendek dan jangka panjang fenomena perpecahan politik kepimpinan UMNO itu sendiri.


Kajian ini juga tidak bertujuan untuk menentukan apakah diskripsi ideologi yang diketengahkan oleh elit politik UMNO yang bersaing tersebut adalah benar-benar menunjukkan yang mereka adalah pengamal atau pendukung kepada ideologi itu. Dalam erti kata lain bukan bertujuan untuk memastikan apakah elit politik berkenaan bercakap benar atau tidak. Sebaliknya, kajian ini akan cuba untuk menunjukkan retorik nasionalis yang digunakan oleh elit politik dan secara berhati-hati meletakkan ke dalam skala matrik mengenai nasionalisme. Kajian ini lebih prihatin dengan posisi relatif ideologi dan juga kesannya berbanding menonjolkan kebenaran ideologi yang didukung oleh elit politik berkenaan.

1.4 Sorotan Literatur: UMNO & Persaingan Elit Politik

Antara isu politik Malaysia yang begitu penting semenjak enam dekad yang lalu adalah persoalan perpecahan dan persaingan politik dalam kalangan elit politik UMNO itu sendiri. Adakah terdapat atau wujud kerangka pemahaman intelektual yang khusus atau sesuai untuk memahami fenomena ini? Apakah analisis yang telah dilakukan terhadap situasi ini [baca perpecahan dalam kepimpinan politik UMNO] setakat ini? Dengan cuba menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan, sorotan literatur ini bakal menjelaskan permasalahan khusus kajian ini dan cuba menunjukkan

bagaimana kajian ini boleh bertindak menyumbang terhadap korpus ilmu khususnya dalam konteks memahami fenomena perpecahan dalam UMNO dan politik Malaysia keseluruhannya.

Dua pemahaman intelektual yang berbeza berhubung dengan fenomena perpecahan elit dalam UMNO dapat disimpulkan seperti berikut.² Pertama adalah perpecahan elit politik UMNO adalah semata-mata berasaskan kepada persaingan kuasa, persaingan individu dan konflik penaungan antara elit politik UMNO; secara tidak langsungnya menafikan sebarang bentuk perbezaan ideologi politik dalam kalangan elit politik UMNO. Pemahaman kedua, merujuk kepada pandangan bahawa perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO adalah berasaskan kepada perbezaan ideologi yang wujud dalam kalangan kepimpinan politik UMNO. Kajian ini tidak sama sekali menolak pemahaman intelektual yang telah sedia wujud berhubung dengan fenomena perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO—persoalan kuasa dan ideologi adalah jelas amat penting. Dengan menumpukan kepada fungsi konflik ideologi nasionalis di dalam UMNO, kajian ini berhasrat untuk membangunkan satu kerangka pemahaman yang lebih konkret bagi memahami fenomena perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO dan hubung kaitnya dengan persoalan identiti nasional.



Dalam kajiannya berhubung dengan kedinamikan politik berkait dengan Pilihan Raya UMUM 1969 dan Peristiwa 13 Mei, J. Bass mengesahkan perbezaan ideologi merupakan elemen fundamental sebagai punca kepada konflik diantara elit politik kelompok Sederhana [moderate] dan Kelompok "Ultra"³ di dalam UMNO (Bass, 1973). Bass, bagaimanapun menjelaskan 'its explanatory power with respect to the origin and course of particular intra-UMNO conflicts is generally slight'. Sebaliknya, beliau menjelaskan lagi, '*[f]or the most part, ideological and policy commitment has*

² Untuk keterangan lanjut sila lihat Hari Singh, 'Democratization or Oligarchic Restructuring? The Politics of Reform in Malaysia', *Government and Opposition*, 35(4), 2001.

³ Kelompok Ultra di dalam UMNO sewaktu krisis kepimpinan politik pada tahun 1961 merujuk kepada kelompok pemimpin yang baru muncul yang tingkah laku politiknya lebih bersifat pro-Melayu. Kelompok ini terdiri daripada Harun Idris, Syed Nasir Syed Ismail, Jaafar Albar, Mahathir Mohamed, Razaleigh Hamzah, Musa Hitam dan Abdullah Ahmad.

*provided the trappings or rationalization for personal or factional struggles of power.*⁴

Justeru, Bass merumuskan bahawa perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO 1969 adalah semata-mata bersifat, 'a doomed attempt by a handful of party figures to topple the Tengku [Abdul Rahman] sebagai Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO', berbanding '*culmination of a long struggle between ultra and moderates forces in UMNO*'.⁵

Sementara, pemerhatian yang dilakukan oleh Harold Crouch terhadap perkembangan sebelum dan selepas pertikaian politik UMNO 1987 dalam kajianya, '*Authoritarian Trends, The UMNO Split and the Limits to State Power*' [1992]⁶, secara jelas menolak peranan ideologi sebagai punca kepada tercetusnya perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO. Crouch dengan jelas menyatakan, '*ideological and policy differences seem to have played almost no part in the UMNO split... The UMNO split can be largely understood as a struggle for power and position revolving around the question of succession to Mahathir*'.

Manakala, pemerhatian dan penelitian yang dilakukan oleh Hwang (2003) berhubung dengan politik Malaysia turut merumuskan hampir sama dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini berhubung dengan perpecahan politik dalam kalangan elit politik UMNO. Berhubung dengan persaingan elit politik 1987 antara Team A [Mahathir Mohamed] dan Team B [Ku Li], Hwang menjelaskan bahawa perpecahan adalah disebabkan oleh persaingan yang bersifat inter-elit politik. Menurut Hwang, perpecahan politik dan pertikaian politik wujud apabila Mahathir Mohamed yang berusaha untuk memaksimumkan kuasa dan dominasi dalam UMNO telah

⁴ J. R. Bass, *Malaysia Politics, 1968-1970: Crisis and Response*, Unpublished Ph. D in Political Science, University of California, Berkeley, Berkeley, 1973, hlm. 528.

⁵ *Ibid.*, hlm. 528-529.

⁶ Untuk keterangan lanjut sila lihat Horald Crouch, '*Authoritarian Trends, The UMNO Split and the Limits to State Power*' dalam J. S. Kahn & K. W. Loh (ed.), *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, Sydney: Asian Studies Association of Australia in association with Allen & Unwin, 1992.

⁷ Crouch, H, '*Authoritarian Trends, The UMNO Split and the Limits to State Power*' dalam J. S. Kahn & K. W. Loh (ed.), *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*, Sydney: Asian Studies Association of Australia in association with Allen & Unwin, 1992b, hlm. 30-31.

dicabar oleh beberapa kelompok elit politik UMNO yang prominen terhadap persoalan pengurusan kuasa politik di dalam parti UMNO.⁸ Beliau turut merumuskan bahawa perpecahan politik UMNO 1987 adalah amat 'severe' berbanding dengan perpecahan politik UMNO tahun 1950an, 1960an dan juga 1970an. Ini kerana perpecahan politik UMNO 1987 menurut Hwang lagi, turut terkait dengan persoalan '*violated the unwritten rule of Malaysian politics, that is, accommodation among elites*' oleh Mahathir Mohamed didalam usahanya untuk mendominasi kuasa politik Malaysia pada era 1980an.⁹ Hwang turut menyamakan perpecahan politik UMNO 1998 adalah bersifat persaingan personal. Beliau menjelaskan:

'Anwar himself, like it or not, had to step on [Mahathir's close associates] to expand his power base. The more ground he gained, the more enemies he made within the government and the ruling party. Given this, there were plenty of reasons for conspiring to destroy Anwar and ensure Mahathir's cronies' continued hold on their political and economic interests'¹⁰

Berhubung dengan perpecahan elit politik UMNO tahun 1998, Ian Stewart, menolak sama sekali perjuangan Anwar terhadap liberalisme politik sebagai asas kepada tentangan politik yang beliau [baca Anwar] wujudkan terhadap kepimpinan politik Mahathir Mohamed.¹¹ Lebih dari itu, Ian Stewart menghujahkan, persaingan individu antara Anwar dan Mahathir Mohamed, tercetus ketika krisis ekonomi melanda Malaysia dan rantau Asia Tenggara, berhubung dengan persoalan rasuah. Menurut Ian Stewart lagi, di bawah kepimpinan Mahathir Mohamed, *'[A]nyone who stood in [Mahathir's] was likely to find himself bereft of any influence or standing in the party'*.¹²

⁸ Hwang, I. W., *Personalized Politics: The Malaysian State under Mahathir*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003, hlm. 127-132.

⁹ Hwang, I. W., *op. cit.*, hlm. 143-145.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 282.

¹¹ Ian Stewart, *The Mahathir Legacy: A Nation Divided, A Region At Risk*. Crows Nest, Australia: Allen & Unwin, 2003, hlm. 18.

¹² Ian Stewart dalam penelitiannya berhubung dengan hal ini telah menyatakan bahawa Anwar Ibrahim sewaktu berada dalam peringkat tertinggi kepimpinan UMNO telah mempunyai musuh politik yang turut berperanan dalam proses pemecatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri dan

Cheah Boon Kheng turut menyatakan bahawa perpecahan elit politik UMNO 1998 berpunca daripada persaingan politik individu.¹³ Semasa krisis ekonomi 1997-1998, persaingan politik individu antara Anwar dan Mahathir Mohamed, terserlah ekoran daripada perbezaan pendekatan antara mereka [Anwar dan Mahathir Mohamed] dalam menangani krisis tersebut. Anwar telah dipecat ekoran daripada penentangan beliau terhadap pendekatan Mahathir Mohamed yang cuba melindungi kepentingan ekonomi kelompok-kelompok yang diklasifikasikan sebagai '*closely linked with the government*'.¹⁴

Sementara itu, Chandra Muzaffar, menjelaskan bahawa krisis politik dan persaingan politik antara Anwar dan Mahathir Mohamed adalah kesan daripada persaingan kuasa politik antara kedua individu tersebut. Chandra menghujahkan seperti berikut:

'At the root of expulsion of Anwar from the government and the party is the question of power. Mahathir sensed an attempt to ease him out of power. He responded to the perceived challenge with vigour and without scruples. Anwar felt that Mahathir's power base was weakening. He sought to send a message—and was repulsed'¹⁵

Funston sebagaimana pemerhati-pemerhati politik yang lain, turut menafikan peranan dasar dan ideologi sebagai punca utama kepada krisis politik antara Anwar dan Mahathir Mohamed pada tahun 1998. Beliau menghujahkan, perpecahan politik 1998 adalah kesan daripada persaingan politik antara dua pimpin politik yang dominan di dalam UMNO. Masalah timbul, menurut Funston lagi, sewaktu krisis ekonomi 1997-1998, Anwar cuba untuk '*outshine the Master*', justeru menimbulkan

juga ahli UMNO. Musuh politik Anwar Ibrahim di dalam UMNO yang memainkan peranan penting dalam pemecatan beliau ialah Ghafar Baba, Rafidah Aziz, Sanusi Junid dan Abdullah Ahmad Badawi. Untuk keterangan lanjut sila lihat Ian Stewart, *op. cit.*, hlm. 88.

¹³ Cheah, B. K., *Malaysia: The Making of a Nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002, hlm. 224-226.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 227.

¹⁵ Muzaffar, C., *The Anwar Episode: An Analysis*, 1998a. (atas talian) http://www.apc.org.au/malaysia/democracy/articles/981004_article_02.html. Diakses pada 8 Jun 1999.

rasa tidak senang dan kemarahan politik Mahathir Mohamed¹⁶. Funston memgukuhkan hujah beliau berhubung dengan krisis ini seperti berikut, '*[c]onflict between a Prime Minister and his deputy is, to a certain degree, institutionalized*'.¹⁷

Dalam pada itu, William Case, menghuraikan bahawa pertikaian politik Anwar-Mahathir Mohamed, tidak begitu berbeza sebagaimana yang dihujahkan oleh Funston. Case menjelaskan pertikaian politik wujud dan berkembang dalam konteks penaungan politik yang diketuai oleh Anwar di satu pihak dan Mahathir Mohamed berserta Daim Zainuddin di satu pihak yang lain. Seperti mana yang disentuh oleh Funston, Case juga turut menganalisis dalam nada yang sama bahawa Mahathir dalam konteks pertikaian politik dengan Anwar pada tahun 1998 adalah, '*fear[ed] that his deputy was eclipsing him on the world scene*'.¹⁸ Case, bagaimanapun, dalam hujah dan analisis beliau berhubung dengan kes ini, telah menyentuh satu aspek atau dimensi pemerhatian yang sedikit berbeda dengan Funston, apabila menjelaskan bahawa wujud perbezaan polisi antara Anwar dan Mahathir Mohamed dan menyatakan kedua pimpin tersebut mempunyai pandangan yang berbeza terhadap, '*a considered notion of how best to right the economy*'.¹⁹

Dari satu sisi yang lain, umpamanya, Shamsul, A. B., menjelaskan bahawa pertikaian atau konflik politik pada tahun 1987 antara Mahathir Mohamed dan Ku Li, adalah secara tidak langsungnya menggambarkan konflik sosial yang wujud dalam kelompok Kelas Menengah Melayu yang sedang berkembang pada waktu itu. Hal ini dijelaskan oleh Shamsul, A.B., seperti berikut:

¹⁶ Funston, J, '*Malaysia: A Fateful September*' dalam D. Singh (ed.), *Southeast Asia Affairs*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1999c, hlm. 166.

¹⁷ Dalam artikel beliau yang ditulis sewaktu peringkat awal krisis kepimpinan politik UMNO 1998, Funston menjelaskan berhubung aspek perubahan politik di Malaysia. Beliau menyatakan walaupun krisis kepimpinan politik tersebut adalah amat jauh dari mengaitkan dengan persoalan persaingan ideologi, namun perkembangan politik Malaysia selepas itu, khususnya kemunculan gerakan Reformasi mungkin merupakan manifestasi kepada perubahan politik Malaysia. Untuk keterangan lanjut sila lihat Funston, *op. cit.*, hlm. 169.

¹⁸ Case, W, Politics Beyond Anwar: What's New', *Asian Journal of Political Science*, 7(1), 1999, hlm. 4.

¹⁹ *Ibid.*